

Peluang pingat perak cerah

Palembang: Malaysia menceraikan peluang untuk sekurang-kurangnya mempertahankan pingat perak acara sepak takraw berpasukan lelaki di temasya Sukan Universiti Asean (AUG) 2014 Palembang.

Skuad kendalian Amir Abu Bakar itu menang 2-1 ke atas Myanmar petang semalam selepas tewas 3-0 di tangan Thailand di sebelah pagi.

Disebabkan hanya ada empat negara, Thailand, Malaysia, Indonesia dan Myanmar yang menyertai acara berpasukan, dua pasukan teratas akan dinobatkan pemenang emas dan perak manakala pasukan tempat ketiga memenangi gangsa.

"Pada perlawanan menentang Thailand, kami banyak melakukan kesilapan terutamanya ketika menerima servis lawan.

"Dari segi rejaman serta servis, kita tidak jauh berbeza dengan mereka. Kita hanya kekurangan teknik



KAMAL melibas bola ketika menentang Thailand.

menerima bola servis.

"Bola servis tekong Thailand dituju ke pelbagai sasaran gelanggang dan sukar diambil.

"Selepas diberitahu teknik menerima bola oleh salah seorang jurulatih kami, Tawet (Wongkluen) barulah kami dapat mengangkat dengan baik," kata perejam Muhamad Kamal Ishak.

Muhamad Kamal yang

juga penuntut jurusan Pendidikan Jasmani di Universiti Putra Malaysia (UPM) mengakui mereka sudah lebih yakin untuk bertemu Thailand dalam acara regu dan double selepas ini.

Sementara itu, Amir berkata, anak buahnya hanya perlu mengatasi Indonesia pada perlawanan terakhir hari ini bagi men-

deduki tempat kedua.

"Indonesia mempunyai satu regu yang cukup kuat dan saya perlu membuat sedikit perubahan taktikal terutama mengenai susunan regu jika mahu menang.

"Jika berdasarkan persembahan dipamerkan ketika menentang Myanmar, kita ada peluang menang, tapi pemain tidak boleh terlalu ghairah," katanya.